

23/04/1997

Kada terus dasar kampung satu komoditi

Mohd Shah Abdullah

LEMBAGA Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) merayakan ulang tahun ke-25 hari ini, perayaan yang dianggap kemuncak bagi kira-kira 50,000 warga tani dalam rancangan berkenaan. Kada, sebuah agensi berkanun ditubuhkan pada 30 Mac 1972 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak Hussein.

Sesuai dengan kedudukannya sebagai agensi pertanian, Kada antara lain mempunyai fungsi menyeluruh untuk meningkatkan taraf hidup petani. Ia juga bertujuan meningkatkan pengeluaran hasil padi petani menerusi aktiviti penanaman dan meningkatkan taraf hidup petani serta pembangunan gerakan dan institusi peladang. Semuanya menghalu kepada satu matlamat besar untuk kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat tani.

Namun bagi Pengerusi Kada, Tan Sri Hussein Ahmad beliau sedar sektor pertanian terpaksa melalui persaingan hebat kerana Malaysia kini sedang menjalani proses industrialisasi yang semakin pesat. Persoalannya mampukah Kada menangani cabaran getir dalam keadaan negara berusaha menjadi negara perindustrian maju menjelang abad ke-21.

Di Kelantan, sebagai contoh, katanya, kawasan Pantai Senok, Tumpat bakal dibangunkan sebagai bandar Petrokimia seluas 120 hektar. Jika menjadi kenyataan, kawasan sekitar akan muncul sebagai bandar perindustrian baru, secara perlahan-lahan meninggalkan imej kawasan pertanian desa.

"Kita faham kawasan tanah pertanian akan semakin mengecil tetapi hasil pertanian tidak harus dikecilkan," katanya dalam sidang akhbar ketika mengumumkan perayaan Jubli Perak Kada itu, berlangsung hari ini di Pesiaran Kada, Melor.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan hadir merasmikan sambutan Jubli Perak itu. Beliau sudah tentu akan membawa mesej penting untuk warga tani Kada, terutama dalam suasana kepesatan pembangunan industri yang kian pesat. Masih relevankah sektor pertanian? Ke mana haluan sektor pertanian dan apakah langkah kerajaan dalam meningkatkan imej sektor yang dianggap terkebelakang tetapi signifikannya ke arah corak dan pendekatan lebih komersil? Anwar sebagai tokoh politik yang dikenali kerana perjuangan meningkatkan martabat masyarakat tani dan desa sejak zaman mahasiswa lagi sudah tentu mahu melihat perubahan lebih menyeluruh nasib golongan ini supaya dapat 'duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi' dengan golongan lain.

Bahkan masyarakat tani bukanlah terlalu jauh dari jangkauan beliau kerana pernah menjawat jawatan Menteri Pertanian, sebelum diangkat menerajui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kewangan sekarang serta bergelar pula Timbalan Perdana Menteri.

Menurut Hussein, Kada tidak ada pilihan kecuali menumpukan usaha peningkatan hasil pertanian secara lebih profesional. Ke arah itu, beliau menegaskan dasar satu kampung satu komoditi pengeluaran akan diteruskan, sesuai dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Pendekatan yang dicuba setakat ini ialah Tumpat (penanaman ciku); Pasir Mas (rambutan); Bachok (durian) dan Kota Bharu (duku).

Selain itu, kaedah penanaman padi juga diubah daripada dua kali setahun kepada lima kali setahun. Selain itu, percubaan penanaman padi yang menampakkan kejayaan setakat ini sebanyak tiga kali setahun, ialah di Pasir Mas, Kota Bharu dan Pasir Puteh.

Bagi Kumpulan 3P (Pendengar, Penonton dan Pembaca), Kada menggalakkan

petani menanam sayur-sayuran dan pengeluaran telur masin yang berpotensi di pasarkan ke Nusantara. Sementara dalam Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) pula petani digalakkan menghidupkan industri `cottage' \_20 (kecil) selain kegiatan pertanian dan penternakan yang juga mampu menjana sumber pendapatan mereka.

Pelbagai acara sudah siap diatur bersempena perayaan Jubli Perak itu, termasuk ekspo, larian bendang, pertunjukan wayang gambar percuma, dikir barat dan pasar terapung di terusan Kada. Jika sebelum ini, pasar terapung terkenal di Thailand, Kada cuba membawa konsep itu ke Kelantan dengan harapan ia dapat meningkatkan hasil jualan petani menerusi kaedah jualan yang lebih menarik.

Namun perayaan itu tidak hanya berakhir selepas seminggu, sebaliknya akan diperluaskan ke peringkat jajahan selama lima bulan sehingga Ogos ini membabitkan enam jajahan iaitu Kota Bharu Utara, Selatan; Tumpat, Bachok, Pasir Mas dan Pasir Puteh.

Tempoh 25 tahun kewujudan Kada sudah dapat dianggap umur `dewasa' seperti lagaknya seorang teruna atau perawan. Kada sudah banyak membuat sumbangan kepada pembangunan rakyat desa di Kelantan sekali gus masyarakat tani di negara ini.

Namun masih banyak lagi yang harus dilakukan agensi ini dalam usaha meningkatkan martabat dan kualiti hidup masyarakat tani.

Pada analisis terakhir, golongan petani sendiri harus mengambil segala kesempatan untuk meningkatkan taraf hidup mereka, memajukan diri dan mempelajari selok belok untuk muncul sebagai petani komersil, selain membuat persiapan menghadapi cabaran hari muka yang kian pesat.

(END)